

10 AUG 1999

Kadir-Pesta

PERSANDINGAN BERAMAI-RAMAI, PEMBUKA TIRAI PESTA M'SIA, KATA ABDUL KADIR

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Majlis persandingan beramai-ramai dengan penuh warna warni dan adat istiadat persandingan pelbagai kaum di negara ini akan menjadi acara pembuka tirai kepada pelancaran Pesta Malaysia ke-13, pada 11 Sept ini di Kompleks Sukan Bukit Jalil.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata acara yang julung kali diadakan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pengantin akan terdiri daripada wakil-wakil negeri dari pelbagai kaum yang akan diarak dengan iringan persembahan kesenian negeri, persembahan artis-artis tempatan dan di akhiri dengan acara pemotongan pulut kuning.

"Ada pasangan (pengantin) yang betul dan ada yang pengantin olok-olok," katanya ketika ditanya adakah pasangan pengantin yang mengambil bahagian itu benar-benar pengantin atau sebaliknya.

Beliau sebelum itu mengadakan persidangan media mengenai sambutan tahunan Pesta Malaysia yang akan diadakan mulai 11 hingga 25 Sept depan.

Abdul Kadir berkata Pesta Malaysia yang kebiasaannya disambut selama dua minggu akan dilanjutkan sehingga sebulan mulai tahun depan dan acara sambutannya pula diluaskan ke seluruh negara.

Sebelum ini pesta berkenaan hanya disambut selama dua minggu pada bulan September dan aktiviti sambutannya pula tertumpu di Lembah Klang sahaja.

"Kita mahu luaskan sambutan pesta ini ke seluruh negara supaya pelancong dapat mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang diatur sepanjang pesta itu," katanya.

Beliau berkata antara aktiviti yang telah disusun sepanjang tempoh sambutan ialah persembahan kesenian, pertunjukan kebudayaan, masakan dan jualan makanan di beberapa tempat terpilih di sekitar ibu kota.

Selain 20 hotel di sini yang bersetuju mengambil bahagian sepanjang berlangsungnya pesta itu, pihak lain yang terbabit ialah Pasar Budaya dengan persembahan wayang kulit dan acara "Malam Mengemping", Perbadanan Kraftangan Malaysia yang akan mengetengahkan permainan tradisional rakyat dan pihak swasta dengan menganjurkan pertandingan teh tarik, menebar roti canai dan memasak.

Abdul Kadir berkata pusat-pusat membeli belah juga tidak ketinggalan dengan mengadakan karnival membeli-belah, katanya.

Beliau berkata pada majlis perasmiaan Pesta Malaysia itu, Dr Mahathir akan turut melancarkan Kempen Pelancongan Domestik yang akan berakhir sehingga Disember tahun 2000.

Katanya, matlamat kempen itu ialah untuk menerapkan budaya bercuti rakyat Malaysia secara terancang dan mempromosikan percutian sebagai satu kemestian.

"Ramai daripada kita yang belum menganggap bercuti itu satu keperluan hidup. Kalau kita tak bercuti, kita letih dan kalau letih, boleh menjejaskan produktiviti kerja kita," katanya.

Ketika ditanya sama ada kementerian boleh mencadangkan kepada pengusaha-pengusaha perhotelan supaya memberi kadar sewa bilik yang rendah kepada pelancong tempatan berbandingkan pelancong asing sebagai satu galakan melancong dalam negeri, beliau berkata perkara itu memang sedang dirundingkan.

Beliau bagaimanapun mencadangkan supaya rakyat negara ini mengadakan percutian terancang dengan melancong melalui pakej-pakej pelancongan yang

terbukti lebih murah.

Abdul Kadir berkata bagi menggalakkan semua golongan mampu melancong, kementerian telah meminta semua kerajaan negeri mewujudkan taman-taman perkhemahan yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas.

"Kita akan menyediakan kemudahan percutian untuk semua golongan pendapatan," katanya.

Dalam usaha menjayakan kempen pelancongan itu, beliau meminta semua pihak seperti syarikat-syarikat, persatuan-persatuan dan sekolah-sekolah yang mahu menganjurkan aktiviti percutian supaya mengambil peluang daripada kempen yang diadakan itu.

Di samping itu, beliau juga telah mengarahkan semua kerajaan negeri meningkatkan usaha memajukan pelancongan di negeri masing-masing.

"Tolong kemaskinikan maklumat pelancongan di tempat masing-masing, adakan pemandu pelancong yang cekap, pastikan semua kawasan pelancongan bersih dan papan-papan tanda arah diletakkan di tempat-tempat strategik," katanya.

"Ini kerana berlaku kepada saya sendiri apabila dalam lawatan rasmi saya ke sebuah pusat pelancongan baru-baru, tiada siapa yang dapat menceritakan kisah sebenar satu peristiwa yang berlaku di tempat itu. Seinggakan berlaku percanggahan pendapat antara dua orang yang cuba menerangkan sesuatu peristiwa itu kepada saya," katanya.

--BERNAMA

NZ RI